



BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

Strategi 2020

... selamatkan nyawa, ubah minda



Ahli Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah

KANDUNGAN		Muka Surat
1.	Bab 1 - Pengenalan Kepada Strategi 2020	3-4
2.	Bab 2 - Siapa Kita - Tempat Kita Di Dalam Masyarakat	5-6
3.	Bab 3 - Apa Kita Buat - Sasaran Strategik	7-10
4.	Bab 4 - Bagaimana Kita Bekerja - Persatuan Kebangsaan Yang Efektif	11-12

Bab 1: Pengenalan Kepada Strategi 2020

Strategi 2020 Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah telah diterima oleh Sesi ke-17 Perhimpunan Agung pada bulan November 2009 yang mana menyediakan asas Pelan Strategik Persatuan-Persatuan Kebangsaan.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Bulan Sabit Merah Malaysia) seharusnya melaksanakan Strategi yang telah dibangunkan atas kemajuan pencapaian Pelan Strategik 5 tahun (2005-2009), berpandukan kepada Perlembagaan dan Polisi-Polisi Pergerakan Persatuan Kebangsaan, dan sebagai “auxiliary” kepada pihak berkuasa didalam arena kemanusiaan.

Kita juga berpandukan kepada polisi-polisi dan panduan-panduan berkaitan dengan Kerajaan Malaysia seperti Dasar Sosial Negara (DSN), Dasar Kesihatan Negara, Dasar Belia Negara, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Pengurusan Bencana Kebangsaan. Strategi ini juga selaras dengan konsep 1Malaysia.

Strategi baru 2020 memberi tumpuan keatas identiti, fungsi-fungsi dan pendekatan Bulan Sabit Merah Malaysia dalam menyedari akan tujuan-tujuan strategik. Strategi adalah panduan kepada Ibu Pejabat Kebangsaan, Cawangan-Cawangan dan Cabang-Cabang serta pegawai-pegawai kita, sukarelawan dan kakitangan didalam menganjurkan aktiviti mereka.

Sebagai tambahan, ia juga membantu ahli-ahli kita, sukarelawan, kakitangan dan penyokong-penyokong berpaut diantara satu sama lain dengan lebih aktif dan inovatif bagi menggalakkan perkongsian nilai-nilai seperti berikut:-

Orang ramai:- Kita bangunkan kapasiti orang ramai dan komuniti-komuniti berpadu tenaga bagi mencari penyelesaian terhadap keperluan-keperluan yang sangat mendadak dan keadaan-keadaan yang mudah terdedah kepada bahaya.

Integriti:- Kita bekerja bersandarkan kepada prinsip-prinsip asas telus dan bertanggungjawab.

Rakankongsi:- Sebagai ahli kepada Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah serta berpandukan kepada Perlembagaan, kita bekerjasama dengan Kerajaan, dan dengan lain-lain organisasi selaras dengan prinsip-prinsip asas tanpa menjejaskan keutuhan lambang-lambang kita dan bebas, tidak memihak, dan berkecuali dimana saja mereka wakili.

Kepelbagaian (Diversiti):- Kita menghormati kepelbagaian didalam kerja-kerja dengan komuniti dan sukarelawan, ahli-ahli dan kakitangan, berpaksi kepada tidak memilih (tidak mendisriminasikan) dan prinsip kesaksamaan, ketunggalan dan kesejagatan.

Kepimpinan:- Kita pameran kepimpinan dan bersatu untuk hasil kerja cemerlang mengambil perhatian terhadap kebenaran, keperluan dan kelemahan (vulnerability) sesebuah komuniti itu dan faktor-faktor yang mereka pegang.

Inovasi :- Kita cetuskan inspirasi daripada perkongsian sejarah dan tradisi, tetapi kita memberikan komitmen sama rata bagi mencari kreatif, penyelesaian terbaik terhadap masalah yang mengganggu-gugat kehidupan manusia dan maruah dalam perubahan dunia masakini (pergolakan).

PRINSIP-PRINSIP ASAS PERGERAKAN ANTARABANGSA PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH

Kemanusiaan

Berusaha mencegah dan meringankan kesengsaraan, melindungi nyawa dan kesihatan, menggalakkan penghormatan sesama manusia serta memupuk persefahaman, persahabatan, kerjasama dan kedamaian yang kekal antara manusia.

Kesaksamaan

Tidak membedakan bangsa, kaum, agama, darjat, atau pendapat politik dalam kegiatannya dengan tujuan asasnya untuk meringankan kesengsaraan individu dan mengutamakan bantuan.

Keberkecualian

Mempertahankan kepercayaan yang diletakkan padanya dengan tidak menyebelahi mana-mana pihak yang bermusuhan dan tidak menyertai pertikaian yang bercorak politik, perkauman, agama ataupun ideologi.

Kebebasan

Walaupun merupakan badan tambahan kepada pihak berkuasa awam dan tertakluk kepada undang-undang negaranya, kebebasan dalam segala tindakannya yang berasaskan perikemanusiaan tetap dijaga.

Khidmat Sukarela

Badan sukarela yang tidak didorong oleh sebarang tujuan mencari nama atau keuntungan.

Ketunggalan

Hanya ada satu sahaja Persatuan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah dalam sesebuah negara dan ia mestilah terbuka kepada semua pihak yang mana aktivitinya meliputi seluruh negara.

Kesejagatan

Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah meliputi seluruh dunia dan semua Persatuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa mempunyai taraf dan tanggungjawab yang sama serta saling bantu membantu satu sama lain.

Bab 2: Siapa Kita - Tempat Kita Di Dalam Masyarakat

Bulan Sabit Merah Malaysia telah bermula pada tahun 1948 sebagai sebuah Cawangan Persatuan Palang Merah British di Sabah dan Sarawak. Setelah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, Cawangan-Cawangan di Semenanjung Tanah Melayu telah bersatu sebagai Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu, yang kemudiannya telah diperbadankan mengikut perlembagaan sebagai Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu (diperbadankan) Akta, 1962.

Bulan Sabit Merah Malaysia telah menerima pengiktirafan rasmi sebagai Persatuan Kebangsaan yang merdeka daripada Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) pada 4hb Julai 1963, dan telah diterima sebagai Anggota Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) pada 24hb Ogos 1963.

Dengan tertubuhnya Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, Akta untuk memperbadankan Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu dan Cawangan Persatuan Palang Merah British di Sabah dan Sarawak di bawah nama “Persatuan Palang Merah Malaysia” yang telah diluluskan oleh Parliamen yang dikenali sebagai “Persatuan Palang Merah Malaysia (diperbadankan) Akta, 1965.

Pada tahun 1975, Parliamen Malaysia telah meluluskan “Persatuan Palang Merah (Pertukaran Nama) Akta 1975” pertukaran nama organisasi kepada nama masakini, **Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia**. Kedua-dua Akta Parliamen telah dikaji semula dan dikemaskini dan hari ini dirujuk kepada Akta 540.

Bulan Sabit Merah Malaysia buat masa ini adalah salah sebuah daripada 186 Persatuan-Persatuan Kebangsaan di seluruh dunia yang menganggotai **Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (Persekutuan Antarabangsa)** yang mana bersama-sama dengan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) merupakan komponen-komponen Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. **Pergerakan** didalam Perundangan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah tahun 2007, negara berkaitan “States Parties” dengan Konvensyen Geneva, termasuk Malaysia, bersetuju bahawa Persatuan-Persatuan Kebangsaan disetiap negara adalah “auxiliary” kepada pihak berkuasa didalam arena kemanusiaan bagi menangani isu-isu kemanusiaan semasa berlakunya krisis dan sewaktu aman berdasarkan Prinsip-Prinsip Asas Pergerakan dan dipandu oleh pelan strategik.

Pergerakan pada umum diertikan sebagai “harta umum” - diperlukan setiap orang, dimanamana, untuk mencegah dan mengurangkan penderitaan manusia. Pergerakan yang unggul selama ini mewakili seantero dunia, bukan sahaja menerusi impak kerja yang kita lakukan ke bandar-bandar yang tidak terkira, kampung-kampung dan jiran-jiran tetangga, tetapi juga turut memenangi hati dan minda setiap individu.

Kerja-kerja Palang Merah dan Bulan Sabit Merah diilhamkan oleh Prinsip-Prinsip Asas Pergerakan iaitu Kemanusiaan, Kesaksamaan, Keberkecualian, Kebebasan, Khidmat Sukarela, Ketunggalan dan Kesejagatan. Prinsip-prinsip tersebut diperkuatkan lagi oleh perkongsian nilai-nilai - berkaitan dengan manusia, integriti, kepelbagaian, kepimpinan dan inovasi - bahawa panduan tersebut berkesan.

Lambang-lambang Palang Merah dan Bulan abit Merah di iktiraf diseluruh dunia, dipercayai dan sebagai lambang Pergerakan yang di lindungi oleh Undang-Undang Kerja Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dikendalikan oleh rangkaian Pegawai-pegawai yang dilipih, sukarelawan, setaf dan ahli-ahlinya.

Organisasi **Bulan Sabit Merah Malaysia** terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis sebagai Badan Tertingginya, mendelegasikan pengurusan setiap hal-ehwal Persatuan kepada Lembaga Eksekutif (Governing Board). Cawangan-Cawangan dan Cabang-Cabang ditubuhkan mengikut negeri, daerah dan Institusi Pengajian Tinggi. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti **Bulan Sabit Merah Malaysia** dijalankan oleh sukarelawan yang dianjurkan dibawah unit-unit subsidiari seperti Bulan Sabit Merah Kanak-Kanak di Sekolah Rendah, BSM Remaja (Belia) dan Pasukan Bantuan Sukarela (PBS) atau Kumpulan Kesihatan dan Khidmat Sosial (KKS) kepada ahli-ahli yang berumur 18 tahun keatas.

Peranan “auxiliary” **Bulan Sabit Merah Malaysia** kepada pihak berkuasa didalam arena kemanusiaan menekankan kepada Pelan Pengurusan Bencana Kebangsaan yang diketuai oleh (Majlis Keselamatan Negara) dibawah Arahan MKN 18, 20 dan 21. Kerjasama selanjutnya dijadikan dengan Agensi-Agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Luar Negeri dan Angkatan Tentera Malaysia.

Bab 3: Apa Kita Buat - Sasaran Strategik

Dimaklumkan oleh keperluan tempatan dan kelemahan rakan kepelbagaian komuniti dimana kita bekerja dan dipandu oleh hak-hak dan kebebasan dimana semua manusia mempunyai hak-haknya, Strategi 2020 dirangka begitu rupa untuk memanfaatkan mereka yang mengharapkan bantuan kita bagi membina dunia yang lebih berperikemanusiaan, bermaruah dan aman damai.



.....selamatkan nyawa, ubah minda

Selaras dengan Strategi 2020, Bulan Sabit Merah Malaysia akan melaksanakan aplikasi seperti berikut:-

Sasaran Strategi 1 - Pengurusan Bencana

Pengurusan Bencana adalah merupakan aktiviti utama **Bulan Sabit Merah Malaysia**. Ianya adalah kayu pengukur akan kemajuan dan imej Persatuan. Antara lain objektif strategik adalah untuk memperkukuhkan dan menyusun semula struktur untuk respon terhadap tindakan bantuan kemanusiaan, samada diperingkat tempatan mahupun antarabangsa, dan memperbaiki kredibiliti dan keberadaan sukarelawan dan kakitangan yang professional berentiti dan kelengkapan yang cukup dan teratur.

Sejak Strategi 5 Tahun diterima pada tahun 2005, **Bulan Sabit Merah Malaysia** telah mewujudkan Pusat Pengurusan Bencana di Ibu Pejabat Kebangsaan Kuala Lumpur dengan 3 Pusat Kecil di Pulau Pinang, Kota Bharu dan Johor Bharu. 49 sukarelawan yang terpilih dari 390 ahli "Rapid Deployment Squad- RDS" dilatih sebagai anggota "Regional Disaster Response Team - RDRT". Sebuah Pasukan WatSan telah diwujudkan bersama-sama dengan Klinik Medan. Sehingga kini, 60 ahli PBS dengan 2,000 sukarelawan terlatih sentiasa mengambil bahagian yang aktif didalam persediaan bencana dan kerja-kerja bantuan di Malaysia seperti Banjir di Johor tahun 2007, dan diperingkat antarabangsa semasa Tsunami 2004/ 2005 dan kejadian gempa bumi yang berlaku di rantau Asia.

Arah Kehadapan

Kita seharusnya mempertingkatkan Sistem Pengurusan Bencana dan terus melatih serta melengkapkan sukarelawan kita supaya lebih mantap bersedia untuk menyahut masa respon kepada bencana dan krisis-krisis.

Tujuan kita adalah memastikan mereka yang terlibat didalam bencana atau krisis dapat membina semula kehidupan dan komuniti didalamnya dengan kaedah tersendiri dan mengurangkan kedaifan serta kelemahan dari bencana akan datang.

Sebagai komponen Pergerakan, **Bulan Sabit Merah Malaysia** berkomited menyokong lain-lain Persatuan-Persatuan Kebangsaan, Persekutuan dan ICRC bagi merangkakan kapasiti-kapasiti perlengkap dalam pengurusan yang mana mengaitkan keupayaan seantero global, rantau, kebangsaan dan tempatan.

Kita harus menekankan persediaan perundangan kebangsaan dan kerjasama perundangan antarabangsa melalui pembangunan dan promosi undang-undang, bencana, prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan.

Keputusan yang dijangkakan:-

- **Setiap Cawangan dan Cabang akan mempunyai alat dan kelengkapan peralatan untuk Pengurusan Bencana dengan latihan khusus dan kakitangan yang berkecukupan yang barangkali dengan Sistem Komunikasi seluruh negara.**
- **Komuniti-komuniti tempatan diusahakan dengan keupayaan tertentu bagi menangani situasi-situasi yang sangat penting didalam masyarakat mereka sendiri.**
- **Kita adalah sebuah komponen yang berkesan kepada Pergerakan dalam respons bencana-bencana dan krisis-krisis, dalam menginstitusikan parameter dan garis panduan didalam respons bencana dan ukuran-ukurannya.**

Sasaran Strategik 2 - Kesihatan dan Khidmat Sosial

Peri mustahaknya gaya hidup yang sihat dan kualiti hidup masyarakat diadvokasikan oleh semua. Ini adalah mengikut kehendak-kehendak Pergerakan dalam melindungi maruah manusia dan yang dhaif, dengan tindakan kemanusiaan yang berkesan diseluruh dunia bagi mewujudkan program kesihatan berteraskan masyarakat yang berkecukupan, membantu mereka yang memerlukan yang terlibat oleh bencana dan bijak mendapatkan sumber kewangan dan pakar.

Dari tahun 2005 hingga 2009, Projek Kampung Angkat telah diwujudkan di 10 buah kampung di Malaysia, 3 kampung di Aceh, Indonesia. 50 program prihatin (aktiviti kebajikan masyarakat) telah dianjurkan sentiasa bersempena dengan perayaan di Malaysia. 960 jurulatih Pertolongan Cemas telah didaftarkan dan 50,000 orang telah mengikuti program "Seorang Pertolongan Cemas dalam Setiap Rumah".

Dengan kerjasama Pusat Darah Negara, **Bulan Sabit Merah Malaysia** telah meningkatkan derma darah sukarela daripada 38,000 pain dalam tahun 2005 kepada 56,000 pain pada tahun 2009. Bersama-sama dengan Agensi-Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan, kempen kesedaran tahunan keatas bahaya dan penularan HIV/ AIDS, penyalahgunaan dadah dan penyakit berjangkit telah dijalankan disekitar sekolah dan orang ramai.

Arah Kehadapan

Kita akan meneruskan bagi melaksanakan program “Seorang Penolong Cemas dalam Setiap Rumah” dan “Rakankongsi Kemanusiaan” bagi mencapai sasaran untk menghakupayakan setiap isi rumah dan di tempat kerja dengan kecekapan dan keupayaan tindakbalas bagi menangani kecemasan bersifat setempat.

Kita harus menjangkau program bagi menangani komuniti yang di paras termiskin dan yang tidak terurus, bagi membolehkan mereka berdikari dan mengurangkan risiko terdedah kepada persekitaran, kesihatan dan sosial.

Kita harus bekerjasama dengan Agensi-Agensi Kerajaan dan lain-lain organisasi yang sama tujuan dan fikirannya dengan kita, untuk sama-sama bekerja bagi melaksanakan polisi orangramai dan mobilisasi masyarakat bagi bertindak sewajarnya, bersatu padu bagi membantu penduduk setempat dengan pengetahuan dan peralatan untuk bersedia bagi menangani cabaran-cabaran yang menghimpit sosial, sikap dan faktor-faktor persekitaran yang mengharapakan kesihatan yang baik.

Keputusan yang dijangkakan

- Setiap isi rumah dalam setiap keluarga akan mendapat faedah dengan memberi respon terhadap kecelakaan di dalam rumah masing-masing.
- Mengurangkan bilangan mereka yang dhaif dan menghakupayakan masyarakat setempat agar lebih berdikari.
- Kita sangat relevan dalam membantu pihak berkuasa didalam mengurangkan risiko kesihatan, sosial dan isu-isu keselamatan

Sasaran Strategi 3 - Diplomasi Kemanusiaan

Bulan Sabit Merah Malaysia memainkan peranan utama dan peranan yang dikenali didalam mempromosikan prinsip-prinsip asas dan nilai-nilai didalam negara ini. Sebagai ‘auxiliary’ kepada Kerajaan, Bulan Sabit Merah Malaysia mewujudkan hubungan kerjasama yang berterusan dan berkesan dengan Agensi-agensi Kerajaan dan komponen-komponen Pergerakan didalam kerjasama kepakaran teknikal untuk penilaian mekanisma atas mempromosi prinsip-prinsip kemanusiaan dan nilai di seluruh negara, menyebarkan kesedaran di kalangan ahli-ahlinya, membuat keputusan dan komuniti setempat.

Ini adalah satu contoh teladan yang sangat baik kerjasama kita diantara Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan Jawatankuasa Undang-Undang Kemanusiaan Kebangsaan dimana Bulan Sabit Merah Malaysia sentiasa terlibat didalam program desiminasi meliputi isu-isu berkaitan dengan perlindungan kepada lambang, khazanah, kebudayaan dan ratifikasi terhadap perjanjian-perjanjian berkaitan.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan modul Menelusuri Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa sebagai mata pelajaran Sivik. Antara tahun 2005 dan 2009, kursus-kursus dan bengkel-bengkel berkenaan UUKA telah kerap diadakan yang memberi manfaat kepada 639,000 peserta. Sebagai tambahan Bulan Sabit Merah Malaysia menganjurkan kem-kem belia dan sukarelawan bagi menerapkan nilai antarabangsa dan keharmonian pelbagai kaum dan saling bertolak ansur. Perkara ini juga terus diterapkan didalam perayaan pelbagai kaum yang diraikan bersama-sama.

Arah Kehadapan

Kami advokasikan persefahaman yang lebih luas dan penuh, pendekatan praktikal prinsip-prinsip asas kami. Kami bersatu untuk kesaksamaan di semua peringkat didalam organisasi kami dan dalam semua kerja kami, menggunakan pendekatan yang sama melampaui kewujudan kami, menggalakkan dialog antara budaya dan harmoni didalam dan diantara komuniti. Kami berkongsi dengan Kerajaan untuk menyebarkan UUKA dengan sokongan daripada ICRC dan Persekutuan Antarabangsa.

Kami mendidik pembangunan taraf kehidupan supaya menjadi warga yang baik bagi membolehkan Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa mereka memperbaiki kumpulan yang di pinggirkan supaya berfungsi dengan lebih baik didalam masyarakat. Kami menggalakkan agar menghormati Konvensyen-Konvensyen tertentu kemanusiaan yang berkaitan dengan golongan manusia yang terpinggir dan membuka lebih banyak peluang didalam perkhidmatan 'kesihatan yang sesuai terima' dan perkhidmatan keselamatan sosial.

Kami meneruskan lanjutan pendidikan dan penerapan nilai-nilai asas kemanusiaan dikalangan belia dan menggalakkan mereka mengambil bahagian yang lebih banyak lagi didalam aktiviti-aktiviti dan program-program masyarakat.

Keputusan yang djangkakan:-

- **Isu-isu konflik dan berantara sosial akan dapat diselesaikan melalui perundingan dan pendekatan keamanan serta persefahaman yang lebih baik dan pelaksanaan prinsip-prinsip asas kemanusiaan**
- **Mereka yang dipinggirkan akan disatukan didalam komuniti mereka masing-masing dan akan dapat memberi sumbangan bagi kebaikan komuniti setempat**
- **Belia akan meningkat kemahiran mereka dan akan berperanan dalam meringankan jurang ketidakadilan di kalangan komuniti bawah paras kemiskinan**

Bab 4: Bagaimana Kita Bekerja - Persatuan Kebangsaan Yang Efektif

Kami berusaha bersungguh-sungguh keatas apa yang dilakukan dan sentiasa komited bagi kemajuan yang berkekalan. Kami membatasi karekteristik untuk keberkesanan mereka, termasuk kepimpinan yang baik didalam melaksanakan peranan governance dan pengurusan tertentu yang jelas dan menguruskan komunikasi dalaman yang mantap. Kami mengambil tanggungjawab bagi melindungi integriti kita untuk pembangunan organisasi yang berdaya tahan, kapasiti menyampaikan perkhidmatan dan perundangan. Kami di ilhamkan untuk menemui kos struktur organisasi kami sendiri melalui usaha-usaha kami sendiri, daya usaha dan melalui rakan kongsi dan dengan pengurusan yang telus dari sumber-sumber yang ada.

Dalam konteks kami sendiri, kami akan bertanggungjawab merangka skop dan dari perkhidmatan dan boleh menyampai/melahirkan perkara yang asas mencakupi sasaran-sasaran perkhidmatan khusus. Kami bersatu padu bagi memastikan Cawangan-Cawangan, Cabang dan unit-unit subsidiari di perkukuhkan dan mengekalkan aktiviti-aktiviti tindakan dalam ruang dan kapasiti masing-masing. Melalui governance dan pengurusan, ahli-ahli sukarelawan dan staf ianya berupaya untuk mengambil bahagian yang lebih bermakna di dalam proses membuat keputusan yang relevan, mempunyai peluang untuk di pilih di kalangan mereka dan memilih yang lainya memegang jawatan dan patuh terhadap governance pengurusan dan perkhidmatan **Bulan Sabit Merah Malaysia**.

Fokus khas terhadap golongan orang muda adalah satu pelaburan yang sangat bukan sahaja untuk masa hadapan malahan pada hari ini. Dalam peranan yang pelbagai orang muda adalah golongan terpelajar, mereka seharusnya dihayupayakan agar aktif di dalam mengetuai dan mengambil bahagian dan didalam governance pengurusan dan perkhidmatan **Bulan Sabit Merah Malaysia**.

Khidmat sukarela adalah di dalam sanubari pembangunan masyarakat sukarelawan kita, termasuk mereka yang berumur, berkhidmat kepada mereka yang dhaif dan bekerja terhadap lebih manusiasi dan keamanan sejagat. Kami menambil berat memperbaiki kualiti, keserataan (standard) kapasiti-kapasiti dan tuntutan sukarelawan dengan mengalu-alukan persekitaran (social yang inklusif).

Diplomasi kemanusiaan kami mengambil kira terhadap proses membuat keputusan dan pendapat ketua-ketua supaya bertindak dengan khidmat kepada golongan yang dhaif dan bekerja terhadap, dalam setiap masa untuk faedah mereka yang dhaif dan dengan penuh hormat kepada prinsip-prinsip asas kemanusiaan. Dengan peranan 'auxiliary' (membantu) kita sewajarnya memperkukuhkan perhubungan dengan pihak berkuasa awam dengan menjalinkan rakan kongsi yang khusus dan terserlah melalui dialog, amanah, kerjasama jalinan persefahaman dan hormat, dengan yang demikian membolehkan segala persoalan dapat dibangkitkan dengan tertib dan sopan, konstruktif dan dalam kaedah bebas.

Sebagai kunci kepada kemanusiaan masyarakat antarabangsa dan system bantuan pembangunan, kami mengambil berat terhadap penuh keseimbangan dunia kita masakini, rantau dan kerjasama didalam Negara dengan rakan kongsi, termasuklah Sistem Bangsa-Bangsa Bersatu, Institusi Kewangan, Kumpulan-Kumpulan Serantau bukan kerajaan dan kumpulan-kumpulan persatuan sivil, rangkaian kerja professional dan badan-badan akademik, dan juga didalam sektor persendirian.

Bulan Sabit Merah Malaysia bersama-sama dengan Persatuan-Persatuan Kebangsaan yang membentuk Persekutuan dimana kesemua mempunyai status yang sama. Bersama dengan ICRC (JPMA) kami berpandu kepada kod kelajuan (Code of Conduct) di dalam kaedah-kaedah bekerja dan mengenalpasti peranan-peranan tertentu bilamana memberikan perkhidmatan kami. Dengan menggalakkan kerjasama berkesan melalui pasangan peraturan untuk pengharmonian, mendefinisikan strategi-strategi, pengoperasian dan bahagian-bahagian tenagamanusia diantara rakan-rakan kongsi, taat dan patuh kepada sumber persetujuan umum

Perlaksanaan dan rekod-rekod kepertanggungjawaban (akauntibiliti) komponen pergerakan menerima tanggungjawab individu dan kumpulan bersama dalam menghulurkan bantuan menghormati keatas mereka yang dhaif.

Kami komited terhadap budaya kepertanggungjawab yang telus kepada penyumbang (stake holder) menamakan mereka yang diberikan bantuan/khidmat, dan mereka yang mengamanahkan kepada kita dengan sumber-sumber untuk kita bertindak, ahli-ahli kita, sukarelawan dan setaf agensi-agensi kerajaan dan rakan kongsi diluar sana yang bekerjasama dengan kita. Dengan yang demikian kami menyokong organisasi terhadap keselarasan dan kami komited serta menyetujui akan kepertanggungjawapan terhadap perlaksanaan dan akauntabiliti rangka kerja..

Strategi ini seharusnya memberikan panduan dan arah kerja Bulan Sabit Merah Malaysia melangkaui tempoh 2011- ke 2020 dengan ulasan pertengahan penggal yang akan diadakan pada tahun 2015. Pelan-pelan Tindakan Khusus akan diwujudkan untuk menganjur dan menyusun aktiviti-aktiviti dan program-program didalam melaksanakan strategi ini. Indikator bagi menilai kemajuan akan bertindak sebagai proksi kepada Bulan Sabit Merah Malaysia kearah “membuat lebih banyak, lebih baik lagi dan melangkah lebih jauh.